

26/02/2003

PM gembira sidang berjaya satukan anggota

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad gembira Sidang Kemuncak NAM ke-13 yang berakhir malam tadi berjaya menyatu dan mendapatkan kesepakatan semua negara anggota berhubung masa depan pergerakan itu.

Perdana Menteri berkata, kesepakatan itu memudahkan sidang kemuncak kali

ini mempersetujui agenda yang dirundingkan pada peringkat menteri.

"Saya berpendapat semua ahli NAM sependapat berkenaan perlunya ada NAM sebagai satu gerakan dan semua bersetuju tindakan yang perlu diambil terhadap masalah Palestin dan serangan terhadap Iraq.

"Perkara lain juga tidak menarik tentangan yang hebat dan dengan itu kita dapat meluluskan semua keputusan yang telah dirundingkan pada peringkat menteri," katanya pada sidang akhbar selepas sidang itu berakhir

lewat malam tadi.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi NAM menegaskan, pergerakan itu tetap relevan kepada negara anggota dan bukan sekadar talk show seperti yang didakwa pihak tertentu.

"Cara terbaik untuk membuktikannya ialah dengan membubarkan NAM sepenuhnya. Tanpa NAM kita akan dimamah dan ditelan satu demi satu," katanya.

Mengenai tindakan proaktif yang akan diambil NAM dalam tempoh kepemimpinan beliau, Dr Mahathir berkata pergerakan itu akan mengadakan perbincangan awal untuk mendapatkan pendirian bersama dalam menghadapi sesuatu isu yang membabitkan pergerakan itu, khususnya isu globalisasi dan

Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

"Kita dapati bila kita tidak bercakap dalam satu suara, ada kecenderungan untuk negara maju menyogok idea yang menguntungkan mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, NAM juga akan memberi keutamaan kepada penyelesaian dua isu utama dunia, iaitu masalah Palestin dan ancaman perang terhadap Iraq.

Bagaimanapun, katanya, Troika NAM tidak akan pergi ke Iraq untuk menyaksikan tahap kerjasama yang diberikan Baghdad kepada pasukan pemeriksa senjata Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kerana tindakan itu tidak akan meyakinkan sesiapa.

"Kita tidak akan melawat Iraq dan kita tidak meminta untuk meyakinkan orang lain...walaupun kita menyaksikan tidak ada sebarang kesalahan di Iraq dan tiada senjata pemusnah," katanya.

Ditanya tindakan NAM dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) jika Iraq diserang, Dr Mahathir berkata kedua-dua pertubuhan itu akan terus mendapatkan sokongan moral masyarakat antarabangsa kerana ia lebih berkesan dalam jangka masa panjang.

"NAM dan OIC bukan pakatan ketenteraan...kita tidak boleh berperang walaupun jika anggota kita diserang. Tetapi kita akan cuba mendapatkan sokongan moral kepada pendirian kita dan sokongan moral adalah lebih berkesan.

"Saya harap tidak ada peperangan, tetapi apa yang kita boleh buat...seperti kes Afghanistan selepas perang orang akan membina semula...itulah tabiat dunia, selepas anda musnahkan, anda bina semula," katanya.

Mengenai saranan pemimpin Palestin, Yasser Arafat supaya NAM menghantar pasukan mencari fakta ke sana, Dr Mahathir berkata beliau tidak yakin Israel akan membenarkannya.

"Kita mengalu-alukannya jika itu boleh dilakukan, tetapi saya yakin Israel tidak akan membenarkannya sama seperti yang dilakukan selepas penyembelihan di Jenin," katanya.